

CERAMAH - RRG MAHU MEMBANTU MASYARAKAT MEMAHAMI KONSEP AL-WARA' DAN AL-BARA'

Berita Harian, Isnin 5th Feb 2007

RRG mahu bantu masyarakat fahami konsep Al-Wala' dan Al-Bara'

Ideologi disalah guna pengganas untuk tanam rasa benci terhadap orang kafir

By Saat A. Rahman

KUMPULAN Pemulihan Keagamaan (RRG) kini meneliti satu konsep ideologi yang telah disalahgunakan pelampau dan pengganas, dan sedang menggiatkan usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Muslim Singapura mengenai konsep itu.

Salah satu pendekatan awal RRG ialah menerusi penerangan dan perbincangan mengenai konsep yang dikenali sebagai Al-Wala' dan Al-Bara'.

Satu majlis ceramah dan soal jawab mengenainya diadakan di Masjid Khadijah kelmarin, dengan dihadiri sekitar 40 asatizah yang antaranya dari RRG, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) dan masjid-masjid.

'Jika disalah faham, konsep ini boleh membawa padah kerana ia boleh digunakan untuk menyebarkan fahaman ganas,' kata pemimpin RRG, Ustaz Haji Ali Haji Mohamed, ketika ditemui Berita Harian (BH) semalam. Ceramah kelmarin telah disampaikan Ustaz Muhammad Haniff, penyelidik Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS).

Antara lain, beliau menyentuh tentang konsep Al-Wala' dan Al-Bara' dalam ideologi pelampau, kesannya dalam masyarakat, peranan asatizah dalam menangani isu itu dan sejarah kemunculan konsep tersebut. Wala' bererti cinta, sementara Bara' pula benci. Dalam Islam, konsep itu sebenarnya bertujuan memelihara kemurnian akidah dan hubungan sosial. Tiga unsur Wala' adalah cinta kepada Allah, Rasul dan orang beriman. Wala' hanya sempurna dengan adanya Bara' dari kekufuran, syirik dan semua orang yang tidak beriman.

Namun, konsep itu telah disalah tafsir oleh golongan pelampau untuk memupuk perasaan benci terhadap orang kafir dan secara tidak langsung membenarkan ideologi ganas mereka. Memberikan butir-butir mengenai ceramah tertutup itu, Ustaz Mohamed Haji Ali, seorang anggota RRG yang juga penyelidik pengganasan di RSIS, memberitahu BH semalam bahawa satu soal jawab diadakan menyusuli ceramah tersebut.

Beliau menerangkan, antara rumusan sesi itu adalah kalangan asatizah merasakan perlu untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai konsep Al- Wala' dan Al-Bara' menurut pentafsiran sebenar dan menurut keadaan hidup di Singapura.

Kalangan asatizah itu turut merumuskan perlunya pemahaman mendalam tentang konsep-konsep lain yang disalahtafsirkan oleh kumpulan pelampau seperti jihad, Daulah Islamiyah, ummah, hijrah dan lain-lain, tambah Ustaz Mohamed. RRG telah ditubuhkan untuk membantu pemulihan anggota rangkaian ganas Jemaah Islamiyah (JI) yang ditahan di Singapura.